

Penerokaan Gaya Keibubapaan Ibu Bapa Kelas Sosial Rendah Yang Mempunyai Anak Berpencapaian Rendah

Johari Talib

UNITAR International University

Maharam Mamat, Maznah Ibrahim dan Zulkifli Mohamad

Universiti Kebangsaan Malaysia

DOI: <https://doi.org/10.51200/jpks.v1i1.6741>

Kajian ini adalah berasaskan masalah keibubapaan bagi ibu bapa yang mempunyai anak berpencapaian rendah dan dijalankan bagi tujuan meneroka gaya keibubapaan mereka supaya boleh dijadikan panduan dalam menjayakan program intervensi, iaitu Terapi Tingkah laku Kognitif. Seramai lima puluh orang ibu bapa yang mempunyai anak berpencapaian rendah serta mempunyai masalah tingkah laku telah dipilih bagi mengikuti Terapi Tingkah laku Kognitif sebagai program intervensi yang dijalankan dalam tempoh tiga bulan. Dalam tempoh tersebut, ibu bapa telah diberikan bimbingan keibubapaan melalui kaunseling individu dan kaunseling kelompok. Bagi tujuan pengumpulan data, hanya sepuluh orang sahaja ibu bapa dipilih dari jumlah asal iaitu lima puluh orang. Data yang dikumpul adalah hasil rakaman tiga sesi kaunseling individu dan tiga sesi kaunseling kelompok pada bulan pertama program intervensi dijalankan. Artikel ini adalah huraian data kualitatif tentang gaya keibubapaan bagi peserta kajian yang direkodkan semasa sesi kaunseling individu dan kelompok pada tempoh sebulan program intervensi dijalankan. Berasaskan lima tema yang dikumpul, data menunjukkan bahawa kesemua peserta mengaplikasi gaya keibubapaan gabungan autoritarian-permisif abai, mempunyai efikasi keibubapaan yang rendah, aspirasi bagi masa depan kanak-kanak yang rendah, gagal menyediakan pelbagai bentuk sokongan bagi membaiki pencapaian kanak-kanak serta kawalan tingkah laku yang longgar. Dapatan kajian adalah selaras dengan teori kitaran kemiskinan. Ibu bapa dan kanak-kanak memerlukan pelbagai bentuk sokongan supaya pencapaian akademik kanak-kanak boleh diperbaiki.

Kata kunci: kaunseling, kognitif-tingkah laku, motivasi, keibubapaan, autoritarian-permisif

Pendidikan di Malaysia telah mengalami proses perbaikan dan transformasi sejak Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, namun isu pencapaian akademik masih menjadi perhatian pelbagai pihak terutama ibu bapa. Penduduk negara ini mempunyai kecenderungan yang kuat kepada sistem peperiksaan (Ahmad & Abdul Mutalib, 2014; Talib, Mohamad, & Mamat, 2011) dan banyak usaha dijalankan ibu bapa dan sekolah bagi menjamin anak-anak mempunyai pencapaian baik, tetapi isu pencapaian masih perlu diberi perhatian serius. Hal ini jelas dibuktikan melalui analisis bagi keputusan peperiksaan UPSR, misalnya antara tahun-tahun 2010 hingga tahun 2013, dalam tempoh tahun-tahun tersebut jumlah kanak-kanak yang mencapai aras kompetensi minimum adalah antara 25 peratus ke 32 peratus, satu jumlah yang besar dengan purata jumlah kanak-kanak yang menduduki peperiksaan antara 480,000 ke 500,000 calon (Malaysia, 2015). Arus keputusan yang hampir sama adalah juga berlaku pada tahap peperiksaan PMR antara tahun-tahun 2000 – 2013.

Kajian-kajian lepas berkaitan dengan pencapaian kanak-kanak di sekolah rendah dan menengah di Malaysia menunjukkan terdapat beberapa faktor yang menyumbang atau mempengaruhi pencapaian rendah dalam kalangan kanak-kanak. Antaranya ialah mempunyai aras fikir yang rendah (Sani & Idris, 2013), kurang menerima sokongan dari ibu bapa (Ahmad & Abdul Mutalib, 2015), menerima gaya keibubapaan autoritarian (Talib, Mohamad, & Mamat, 2011) dan mempunyai latar belakang keluarga miskin atau SES rendah (Hasan & Rasiah, 2011; Talib, Zulkifli & Mamat, 2011). Hasan dan Rasiah (2011) menjelaskan walau pun pendidikan di sekolah adalah percuma tetapi secara menyeluruh ibu bapa membelanjakan antara RM1000-

RM1800 setahun bagi pelbagai bentuk bayaran dan hampir 20 peratus ibu bapa di luar bandar dan bandar menganggap jumlah tersebut sebagai membebankan. Kajian-kajian lain di luar negara seperti di Hong Kong dan Amerika Syarikat turut menunjukkan dapatan yang hampir sama (Aturupane, 1997; Bernstein, 2007; Lau & Chan, 2001). Kebanyakan kajian ini adalah ditadbir melalui pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan. Oleh yang demikian, artikel ini disediakan bagi membincangkan gaya keibubapaan yang sesuai diamalkan oleh ibu bapa tidak berkemampuan terhadap anak-anak yang mempunyai pencapaian rendah.

Tinjauan Literatur

Teori Keibubapaan dan Perkaitan dengan Kemiskinan

Konsep keibubapaan adalah melibatkan ibu bapa atau individu yang memberi perhatian, sokongan dan mengisi keperluan kanak-kanak. Secara menyeluruh, keibubapaan adalah proses pengisian keperluan kanak-kanak melibatkan keperluan fizikal, emosi, sosial, dan rohani yang merentasi usia kanak-kanak. Dua tanggungjawab utama dalam pengisian ini boleh dirumuskan sebagai *nurturant* dan sosialisasi (Parke, 2002). Teori yang memberikan panduan tentang kajian keibubapaan pada kurun ini mungkin jelas berpandukan Teori Ekologi Sosial (Belsky, 1984; Bronfenbrenner, 1989) yang menjelaskan bahawa keibubapaan dipengaruhi oleh empat tahap faktor iaitu sosio-budaya (sistem makro), komuniti (sistem exo), keluarga (sistem mikro) dan

individual (ontogenic). Empat sistem ini membentuk laluan yang hampir (proximal) atau jauh (distal) berkaitan dengan perkembangan kanak-kanak melalui gaya keibubapaan.

Gaya keibubapaan pula dipengaruhi oleh proses perkembangan yang dilalui ibu bapa kesan dari pengaruh psikologi, ciri-ciri keluarga dan kanak-kanak, kewujudan sumber sokongan dan stres. Keempat-empat sistem yang dicadangkan oleh Bronfenbrenner (1989) mempengaruhi tiga gaya keibubapaan yang bersandar kepada permintaan ibu bapa terhadap kanak-kanak dan gerak balas ibu bapa terhadap permintaan mereka (Baumrind, 1967). Tiga gaya keibubapaan tersebut ialah autoritarian (permintaan ibu bapa tinggi tetapi sokongan rendah), permisif (permintaan ibu bapa rendah dan sokongan rendah), dan autoritatif (permintaan ibu bapa tinggi, sokongan juga tinggi). Maccoby dan Martin (1983) mencadangkan satu lagi gaya keibubapaan iaitu permisif manja (permintaan ibu bapa rendah tetapi sokongan tinggi).

Kemiskinan ibu bapa meninggalkan pelbagai kesan terhadap pelbagai aspek keibubapaan dan prosesnya dijalankan melalui tiga teori utama iaitu Teori Stres (Larzelere & Patterson, 1990), Teori Budaya (Lewis, 1966) dan Teori Persekitaran Kurang Memuaskan (Jencks & Mayer, 1990). Pada keseluruhannya, ibu bapa miskin mengalami stres dan kesannya mereka bersikap kurang *nurturant* kurang mengawalselia anak-anak dengan sempurna dan kerap kali melaksana tanggungjawab keibubapaan secara keras, tidak tekal dan kasar (Harris & Marmer, 1996; Larzelere & Patterson, 1990). Ketidaktekalan bermaksud cara pelaksanaan kawalan seolah-olah tiada panduan atau prinsip yang jelas, kadangkala kesalahan kecil tetapi hukuman yang diberi kepada anak-anak begitu keras, sebaliknya kesalahan yang boleh dianggap serius ibu bapa membiarkan sahaja tanpa hukuman. Ibu bapa yang stres juga turut mengalami pelbagai masalah emosi, murung, risau serta menyebabkan perkahwinan menjadi kucar kacir. Persekitaran yang wujud dari masalah ini memberi kesan negatif kepada perkembangan kanak-kanak dan remaja termasuklah pencapaian rendah di sekolah (Conger et al., 1995; Propper et al., 2004). Secara ringkas, ibu bapa miskin mengalami stres yang tinggi menyebabkan mereka mengalami gangguan emosi, kerap kali gagal mengawal amarah, mengamalkan gaya keibubapaan autoritarian dan keseluruhannya memberi kesan negatif kepada perkembangan kanak-kanak dan remaja.

Pada keseluruhannya, kebanyakan penyelidik merumuskan bahawa dua perkara utama yang mempengaruhi keibubapaan ibu bapa miskin ialah usaha mendisiplin anak-anak yang kerap melibatkan deraan fizikal serta penglibatan mereka dalam pelajaran kanak-kanak dan remaja. Deraan terhadap kanak-kanak dan pengabaian boleh berlaku dalam mana-mana keluarga tetapi boleh berlaku empat kali ganda dalam keluarga miskin terutama keluarga miskin yang mempunyai kadar stres yang tinggi berbanding dengan keluarga dari kelas menengah (McSherry, 2004; Ross & Roberts, 1999). Dalam masa yang sama pula, dapatan kajian secara menyeluruh menunjukkan ibu bapa kelas menengah melibatkan diri dalam pelajaran anak-anak lebih aktif berbanding dengan ibu bapa miskin (Ashworth et al., 2001; Talib, 2003). Perlibatan ibu bapa dalam pelajaran kanak-kanak memberi kesan positif kepada pencapaian kanak-kanak dan remaja di sekolah.

Ibu bapa miskin juga kurang mampu menyediakan pelbagai kemudahan asas dan sokongan kepada kanak-kanak dan remaja bagi memperbaiki pencapaian pelajaran mereka.

Metode

Lokasi

Kajian ini dijalankan di Sekolah A di Negeri Sembilan. Sekolah ini pula merupakan sekolah terbesar di sebuah daerah. Pada masa kajian ini dijalankan, sekolah ini mempunyai seramai 1800 orang murid, dan 120 orang guru. Sekolah ini juga kerap diiktiraf sebagai sekolah terbaik di daerah tersebut dari segi pencapaian Ujian Penilaian Sekolah Rendah dan juga pelbagai aktiviti lain seperti sukan, perbincangan dan aktiviti pasukan beruniform. Sekolah ini turut menjalankan sistem pengaliran atau *streaming* yakni pembahagian kelas menurut pencapaian akademik. Sistem ini dijalankan dengan ketat di samping menjalankan pelbagai bentuk diskriminasi terhadap kanak-kanak yang mempunyai pencapaian rendah yang kebanyakannya datang dari keluarga miskin. Pada masa kajian ini dijalankan, pihak sekolah mempunyai 23 program penting sepanjang tahun dengan mendapat tajaan oleh pihak sekolah dan pihak luar. Walau bagaimanapun, daripada jumlah tersebut, hanya lima program sahaja telah diperuntukkan kepada murid-murid yang sederhana dan lemah pencapaian mereka dalam pelajaran.

Peserta

Peserta kajian ini adalah sepuluh orang ibu bapa yang mempunyai anak yang berprestasi rendah. Jumlah asal peserta ialah lima puluh orang dan kesemuanya adalah peserta ibu bapa yang mengikuti program intervensi Terapi Kognitif Tingkah laku. Program telah dijalankan selama tiga bulan. Dalam program ini, kesemua ibu bapa telah diberi bimbingan keibubapaan, kaunseling individu dan kaunseling kelompok. Bagi peserta murid pula, mereka telah diberi bimbingan kerja rumah, tuisyen percuma, menerima terapi keyakinan diri, terapi bercerita, terapi melukis, terapi nyanyian dan tarian, terapi air serta menghadiri kem motivasi di hujung minggu.

Bagi tujuan pengumpulan data kualitatif hanya sepuluh orang sahaja peserta ibu bapa yang terlibat dan sesi kaunseling bimbingan keibubapaan telah dirakamkan. Jumlah sepuluh orang selaras dengan jumlah yang dicadangkan bagi jumlah peserta kaunseling kelompok (Stewart & Shamdasani, 1990) dan jumlah peserta bagi teknik pengumpulan data temuduga kumpulan berfokus (Corey, Corey, & Corey, 2017). Ibu bapa yang dipilih adalah berdasarkan saranan guru kelas dan kaunselor sekolah. Anak-anak mereka adalah berusia 9 hingga 11 tahun, terdiri daripada murid-murid lelaki dan perempuan dari Tahun 4 hingga tahun 6. Semua responden berketurunan Melayu.

Di samping mempunyai pencapaian rendah, mereka mempunyai pelbagai masalah disiplin seperti ponteng kelas, ponteng sekolah, merokok, malas belajar, tidak menyiapkan kerja rumah, tingkah laku memusnah, bercinta, dan menjadi ahli kumpulan pengacau atau pembuli. Purata pencapaian akademik ibu dan bapa

hanya pada takat Pendidikan Menengah Rendah dan mempunyai pendapatan antara RM500.00 hingga RM1800.00 sebulan, yakni pendapatan rendah atau miskin. Kesepuluh orang peserta ibu bapa adalah dipilih berdasar pendapatan (kelompok terendah) dan mempunyai anak lebih dari dua orang. Bagi tujuan triangulasi data, lima peserta ialah ibu serta lima lagi adalah bapa dan mereka berusia antara 38-45 tahun.

Alat Kajian dan Langkah-Langkah Pengumpulan Data

Huraian data dalam artikel ini hanyalah huraian data kualitatif tentang penerokaan gaya keibubapaan sahaja bagi sepuluh orang peserta ibu bapa yang dikumpul semasa tiga sesi kaunseling kelompok dan kaunseling individu yang dijalankan pada bulan pertama program Terapi Tingkah laku Kognitif dijalankan. Data selepas bulan pertama program intervensi dijalankan tidak dihirai dalam artikel ini kerana ia menunjukkan perubahan gaya keibubapaan selepas ibu bapa menerima bimbingan. Semua peserta ibu bapa bagi data keibubapaan melalui tiga sesi kaunseling individu dan tiga sesi kaunseling kelompok. Sesi kaunseling individu adalah merupakan tahap penerokaan gaya keibubapaan yang mereka aplikasi bagi kanak-kanak.

Data yang dirakam telah melalui proses analisis data kualitatif iaitu *transcribing* atau alihan data lisan ke bentuk bertulis, membaca untuk kefahaman, membaca dengan meneliti tema atau pengkategorian dan proses *coding* dan pemilihan skrip-skrip yang bersesuaian bagi menyokong tiap tema (Gay, Mills, & Airasian, 2014).

Berdasarkan dapatan sesi kaunseling individu, penyelidik membuat rumusan tentang tema-tema utama yang perlu dibincang semasa sesi kelompok dan tema-tema tersebut adalah merangkumi aspek-aspek gaya keibubapaan, aspirasi dan jangkaan terhadap kanak-kanak, efikasi atau upaya memenuhi keperluan kanak-kanak, sokongan dan bantuan terhadap perkembangan pelajaran dan pemantauan tingkah laku kanak-kanak. Bagi tujuan memastikan kebolehppercayaan data, semua peserta telah mengikuti tiga sesi kaunseling individu dan tiga sesi kelompok. Ini bersesuaian dengan prinsip triangulasi data yang dicadangkan oleh (Lincoln & Guba, 1985).

Keputusan

Terdapat lima tema utama yang ditemui semasa sesi kaunseling kelompok dijalankan dan tema-tema tersebut memaparkan bahawa peserta mengaplikasi gaya keibubapaan autoritarian dan permisif, mempunyai aspirasi dan jangkaan terhadap anak-anak yang rendah, kurang berdaya serta mempunyai efikasi rendah, gagal menyediakan sokongan kepada pelajaran anak-anak dan kurang mampu mengawal tingkah laku anak-anak. Pada keseluruhannya peserta mengaplikasi gaya keibubapaan autoritarian-permisif. Antara lain ibu bapa beranggapan anak-anak perlu patuh kepada arahan ibu bapa dan jika mereka ingkar anak-anak akan dihukum, biasanya ibu bapa menggunakan kekerasan fizikal.

...Saya percaya anak-anak perlu patuh kepada arahan ibu bapa. Kita ibu bapa lebih dulu makan garam. Jika anak-anak tidak mengikuti arahan, saya akan hukum mereka. Biasanya saya akan pukul anak saya dengan tali pinggang... (Bujang, 39 tahun)

Ibu bapa percaya hukuman fizikal boleh mengawal tingkah laku anak-anak. Bagaimanapun cara pelaksanaan hukuman tidak tekal kerana kesibukan bekerja, stres dan letih. Lantas itu dari kawalan secara autoritarian ibu bapa berubah menjadi permisif. Anak-anak tidak dihukum atau tidak dipantau langsung sebab ibu bapa letih selepas penat bekerja.

...Saya cuba mengawal anak saya dengan ketat tapi manalah saya dapat pantau. Saya dan suami meninggalkan rumah sejak awal pagi dan pulang waktu senja. Saya tanya sahaja ke mana anak saya pergi. Kadang kala saya tak tanya pun dan nak hukum badan saya juga letih. Nak tanya kerja rumah pun saya tak larat... (Hafsah, 39 tahun)

Bentuk kawalan anak-anak semakin longgar atau permisif terutama apabila ibu bapa bekerja di hujung minggu. Anak-anak terbiar tanpa pemantauan tentang pergerakan mereka. Untuk pemantauan pelajaran adalah jauh sekali, ibu bapa tidak berdaya untuk berbuat demikian sebab sibuk mencari rezeki, itu pun masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan asas. Bagi ibu bapa jika anak mereka selamat, itu pun sudah memadai.

...Hujung minggu saya dan isteri masih bekerja. Kami perlu kerja untuk dapat wang lebih. Itu pun tidak mencukupi. Anak saya meliar seluruh kawasan kejiranan dan kampung berdekatan. Saya tak tahu apa yang mereka lakukan. Anak saya merayau dengan motorsikal bapa rakan-rakannya. Apa nak buat, jangan kemalangan sudahlah... (Harun, 44 tahun)

Seterusnya ibu bapa turut mempunyai aspirasi dan jangkaan masa depan yang rendah terhadap kanak-kanak. Anak-anak dianggap bodoh yang tambah parah kerana dilabel begitu oleh sistem persekolahan. Aspirasi yang rendah menyebabkan ada ibu bapa yang mempercayai anak mereka perlu berhenti sekolah selepas Tahun 6. Lagi pun ibu bapa tidak pernah terfikir untuk anak mereka melanjutkan pelajaran lebih tinggi kerana kepercayaan yang diwarisi sejak turun temurun bahawa tidak siapa pun antara anak-anak yang akan menjejak kaki ke universiti. Ibu bapa percaya anak mereka hanya layak mewarisi kehidupan yang sama.

...Anak saya memang lembab. *Report Card* semuanya merah. Satu sekolah kata anak saya lembab dan bodoh. Nak tolong macam mana? Kami ni miskin, lagi pun belum ada keturunan saya dan isteri yang menjejak kaki ke universiti. Tak terfikir pun anak saya akan terus belajar. Dapat kerja buruh di hospital pun tak pe, macam saya... (Bujal, 43 tahun)

Ibu bapa tidak berupaya atau mempunyai efikasi yang rendah kerana kemiskinan. Walaupun ada yang memahami akan perlunya anak mereka disokong dengan lebih baik tetapi semua bentuk sokongan terutama bantuan tuisyen di luar sekolah adalah berkaitan dengan wang. Bagi mereka, menyokong pelajaran anak-anak di rumah adalah sukar sama sekali kerana pendidikan ibu bapa hanya setakat tamat Tingkatan 3 sahaja. Anak-anak perempuan jika berhenti sekolah boleh membantu menjaga adik-adik yang kecil waktu ibu bapa bekerja dan bila cukup umur boleh bekerja di kilang macam mereka.

...Saya memang tak ada duit. Anak perempuan saya lembab, tak satu matapelajaran pun dia lulus. Jika saya ada wang pun saya tak boleh buat apa-apa sebab dia memang lembab. Buat bazir duit saje. Lepas Tahun 6 ni

mungkin dia berhenti sekolah tolong jaga adik-adik sebab saya bekerja. Tapi risau juga sebab dia dah pandai bercinta... (Zainab, 39 tahun)

...Kami orang miskin. Pendapatan saya dan isteri tak pun sampai RM2000. Macam mana nak bantu pelajaran anak yang lemah. Saya dan isteri tak faham apa pun tentang pelajaran anak-anak sebab saya dan isteri pun belajar tak ke mana. Lagi pun pelajaran sekarang nampak berbeza dengan zaman saya, satu benda pun saya tak faham. Baru-baru ni anak saya tu mulai pening kepala dan sukar membaca. Masalah lagi... (Borhan, 43 tahun)

Kesibukan bekerja menyebabkan ibu bapa kurang memantau pergerakan anak-anak dan juga kurang memantau pelajaran anak-anak mereka. Ibu bapa hanya berserah kepada apa yang ada demi kemandirian keluarga. Mereka kurang berkemampuan untuk menyokong pelajaran anak-anak yang lemah termasuk menghantar ke pusat tuisyen dan membeli buku tambahan. Jika buku tambahan dibeli mereka gagal pula membantu anak-anak menggunakannya. Lantas itu anak-anak terus menerus lemah dan dalam masa yang sama sedikit demi sedikit menjauhkan diri dari budaya persekolahan serta mulai terpengaruh dengan budaya rakan sebaya yang liar.

...Saya dan isteri bekerja di kilang, operator pengeluaran. Pagi-pagi sebelum anak bangun saya sudah menaiki bas kilang dan pulang hampir waktu senja. Pasal sekolah semua pandai budak-budak tu saja. Tengahari mereka makan di rumah emak saya. Bila saya sampai rumah saya terlalu letih. Anak-anak juga letih dan apa yang mereka buat saya tak tahu... (Haron, 43)

Pada keseluruhannya data kualitatif di atas menunjukkan ibu bapa mengaplikasi gaya keibubapaan autoritarian. Gaya permisif yang dijelaskan sebenarnya adalah lanjutan gaya autoritarian yang tidak tekal. Apabila ibu bapa gagal mengawasi anak-anak mereka lantas membiarkan mereka. Ibu bapa juga mempunyai efikasi atau upaya yang rendah untuk mengawasi anak-anak kerana tuntutan mencari rezeki dan kesannya anak-anak terbiar. Mereka juga kurang berupaya membimbing pelajaran anak-anak kerana tahap pelajaran yang rendah. Kemiskinan menyebabkan ibu bapa gagal menyediakan kemudahan sokongan pelajaran anak-anak serta gagal memantau pergerakan mereka dengan baik.

Perbincangan

Data kualitatif ini menghuraikan lima tema utama yang berkaitan dengan keibubapaan dalam kalangan ibu bapa berpendapatan rendah atau miskin. Keputusan kajian ini selaras dengan kajian lepas berkaitan dengan gaya keibubapaan ibu bapa miskin (Ahmad & Abdul Mutalib, 2015; Talib, 2003; Talib, Mohamad, & Mamat, 2011), iaitu kebanyakan ibu bapa mengaplikasi gaya keibubapaan autoritarian. Anak-anak dididik dengan keras, ibu bapa menerapkan nilai kawalan dengan menghukum kanak-kanak, ibu bapa menganggap tindakan mereka betul dan mempunyai hasrat supaya anak mereka tidak terlibat dengan salah laku. Sungguhpun begitu, ibu bapa kurang mampu memantau pergerakan anak-anak menyebabkan mereka turut mengaplikasi gaya keibubapaan permisif abai. Seterusnya berkaitan dengan efikasi dan upaya diri, kebanyakan ibu bapa adalah merupakan ibu bapa yang

kurang berupaya. Mereka adalah ibu bapa yang gagal memantau dan memberi bimbingan pelajaran anak-anak kerana tahap pelajaran yang rendah dan tidak memahami isi pelajaran anak-anak. Ibu bapa ini juga gagal menyediakan sokongan ini menyebabkan pencapaian anak-anak berada pada aras rendah dan tidak memuaskan (Best & Kahn, 1998; Booth, 1996). Pendapatan ibu bapa yang rendah turut menyebabkan mereka tidak mempunyai harapan yang tinggi terhadap anak-anak. Ibu bapa mempercayai bahawa apa yang dilalui oleh kanak-kanak adalah satu bentuk pewarisan yang tidak boleh diubah, sama dengan apa yang mereka lalui. Mereka tidak berhasrat atau tiada upaya untuk mengubah kepercayaan itu. Lantas itu tidak seorang pun ibu bapa memberi harapan bahawa anak-anak mereka akan melanjutkan pelajaran ke tahap universiti dengan alasan belum ada pun keturunan mereka sampai ke tahap tersebut (Lewis, 1996). Kehidupan yang penuh stres kerana bekerja dalam tempoh jam yang lama termasuk di hujung minggu sedangkan pulangnya tidak seberapa menyebabkan ibu bapa keletihan, kurang bertenaga, mengabaikan tanggung jawab asas terhadap kanak-kanak dan langkah yang paling mudah ialah berserah sahaja kepada nasib. Apabila ibu bapa mempunyai tenaga mereka akan menghukum anak-anak dan sebaliknya apabila stres anak-anak dibiarkan begitu sahaja (Harris & Marmmer, 1996; Larzelere & Patterson, 1990).

Kesimpulan

Kajian membincangkan bahawa kanak-kanak yang mempunyai latar belakang keluarga miskin dan mempunyai pencapaian akademik yang rendah dan terpengaruh oleh sistem persekolahan adalah juga dipengaruhi oleh faktor keluarga. Lebih jelas lagi permasalahan kanak-kanak adalah berpunca dari keluarga yang secara khusus merujuk kepada keibubapaan dan SES. Kajian ini menunjukkan bahawa pihak yang perlu dilibatkan dalam usaha untuk meningkatkan pencapaian lemah ini termasuklah guru, kaunselor dan ibu bapa. Ibu bapa dan guru perlu diberi bimbingan tentang pelbagai aspek keibubapaan seperti yang dilakukan di negara-negara maju. Jika guru sekolah mempunyai kemahiran keibubapaan, mereka boleh memberi bimbingan kepada ibu bapa. Mungkin “sistem pengaliran” yang ketat kurang sesuai dalam memberi peluang saksama kepada semua murid.

Rujukan

- Ahmad, S. Z., & Abdul Mutalib, A. (2015). Preliminary Study: An investigation on learning assistance requirement among low achievers in primary schools. *International Journal of Computer Application*, 114, 48–54.
- Ashworth, K., Hardman, J., Liu, W. C., Maguire, S., Middleton, S., Dearden, L., Emmerson, C., Frayne, C., Ichimura, H., & Meghir, C. (2001). *Education maintenance allowance: The first year. Quantitative Evaluation, Research Report 257*. London: DfEE.
- Aturupane, H. (1997). *Earning Functions and Rates of Return to Education in Sri Lanka*. UC-ISS Project Working Paper Series No 9701, University of Colombo, Colombo.

- Baumrind, D. (1967). Child-care practices antecessors: Three patterns of preschool behavior. *Genetic Monograph*, 75, 43–88.
- Belsky, J. (1984). The determinants of parenting: A process model. *Child Development*, 55, 83–96.
- Bernstein, J. (2007). *Is education the cure for poverty?*. *The American Prospect*. Retrieved from http://www.prospect.org/cs/articles=is_education_the_cure_for_poverty.
- Best, J. K., & Khan, K. V. (1998). *Research in education*. Boston: Allyn and Bacon.
- Blanden, J., Goodman, A., Gregg, P. & Machin, S. (2002). *Changes in intergenerational mobility in Britain*. Discussion Paper No. 517, London : Centre for Economic Performance, London School of Economic.
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development. Experiments by nature and design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Bronfenbrenner, U. (1989). Ecological systems theory, in R. Vasta (Ed.) *Six theories of child development*, Vol. 6, Greenwich, CT :JAI.
- Chen, Z., & Kaplan, H. (2001). Intergenerational transmission of constructive parenting. *Journal of Marriage and the Family*, 63, 17–31.
- Conger, R. D., Patterson, G. R., & Ge, X. (1995). It takes two to replicate: A meditational model for the impact of parents' stress on adolescent adjustment. *Child Development*, 66, 80–97.
- Corey, M. S., Coorey, G., & Corey, C. (2017). *Group process and practice*. Boston: Cengage Learning.
- Gay, L. R., Mills, G. E., Airasian, P. W. (2014). Qualitative data collection. In G. Mills, & Airasian, *Educational research: Competencies for analysis and applications*, (pp.333-397) Edinburgh : Pearson.
- Hamre, B. K., & Pianta, R. C. (2001). Early teacher-child relationships and trajectory of children's school outcomes through eighth grade. *Child Development*, 72(2), 625–638.
- Harris, K., & Marmer, J. (1996). Poverty, paternal involvement and adolescent wellbeing. *Journal of Family Issues*, 17(5), 614–40.
- Hasan, O. R., & Rasiyah, R. (2011). Poverty and student performance in Malaysia. *International Journal of Institutions and Economics*, 3(1), 61–76 .
- Hobcraft, J. (1998). *Intergenerational and life course transmission of social exclusion: Influences of childhood poverty, family disruption, and contact with the police*. CASE Paper 15 London: London School of Economics, STICERD.
- Hoff, E., Laursen, B., & Tardif, T. (2002). Socioeconomic status and parenting. In M Bornstein (Ed.) *Handbook of Parenting*, Vol. 2 (2nd Edt.) London: Lawrence Erlbaum Associates.
- Hollon, S. D., & Beck, A. T. (1994). Cognitive and cognitive-behavioral therapies. In M.J Lambert, A. E. Bergin & S.L. Garfield (Eds.), *Handbook of psychotherapy and behavior change*. NY: Wiley.
- Jencks, C., & Mayer, S. (1990). The social consequences of growing up in a poor neighbourhood. In L. Lynn & M. McGarry (Eds.) *Inner-City poverty in the United States*, Washington D.C.: National Academy of Sciences Press.
- Larzelere, R. E., & Patterson, G. R. (1990). Parental management: Mediator of the effect of socioeconomic status on early delinquency. *Criminology and Pathology*, 10, 215–33.
- Lau, K. L., & Chan, D. W. (2001). Motivational characteristics of under achievers in Hong Kong. *Educational Psychology*, 21(4), 417–430.
- Lewis, O. (1966). *La vida: A Puerto Rican family in the culture of poverty*. San Juan and New York: Guilford Press.
- Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. (1985). *Naturalistic inquiry*. Beverly Hills, CA: Sage.
- Maccoby, E. E., & Martin, J. A. (1983). Socialization in the context of the family. Parent-child interaction. In P.H Mussen & E.M. Hetherington (Ed.), *Handbook of Child Psychology, Socialization, Personality, and Social Development*, NY: Wiley.
- Malaysia. (2015). *Education for all 2015 National Review*. unesdoc.unesco.org/iages/0022/0022/0022/002297/229719 E
- McSherry, D. (2004). Which came first, the chicken or the egg ? Examining the relationship between child neglect and poverty. *British Journal of Social Work*, 34, 727–33.
- Parke, R. (2002). Fathers and families. In M.H. Bornstein (Ed.), *Handbook of parenting*, Vol. 3: Social conditions and applied parenting. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Propper, C., Burgess, S., & Rigg, J. A. (2004). *The impact of income on child health: Evidence from a birth cohort study*, CASE Paper, 85. London : CASE, London School of Economics.
- Ross, D. P., & Roberts, P. (1999). *Income and child well-being: A new perspective on the poverty debate*. Ottawa: Canadian Council on Social Development.
- Sani, N., & Idris, A. R. (2013). Identifying the challenges encountered by teachers in dealing with indigenous students. *Malaysian Online Journal of Educational Management*, 1(3), 48–63.
- Stewart, D. W., & Shamdasani, P. N. (1990). *Focus group, theory and practice: Applied social research methods*. Newbury Park CA: Sage.
- Talib, J. (2003). *Work Conditions, Parenting Styles and Children's School Achievement: A Study of Dual Earner Families in Malaysia*. (Unpublished doctoral dissertation). University of Sydney. Australia.
- Talib, J. (2009). Profesionalisme kaunselor sekolah rendah. *Jurnal Malim*, 10, 159–182.
- Talib, J., Mohamad, Z., & Mamat, M. (2011). Effects of parenting style on children development. *World Journal of Social Science*, 1(2), 14–35.
- Townsend, P. (1979). *Poverty in the United Kingdom: A survey of household resources* UNICEF (2015). *Out of school initiative*. Retrieved from http://www.unicef.org/education/bege_61659html.